

01 AUG 1997

Zahid-Hak Asasi

PEMUDA GESA KAJI SEMULA DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno mahu Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) 1948 dikaji semula bagi menghindari pengurus dana antarabangsa daripada menjejaskan nilai mata wang negara-negara membangun.

Ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi juga membidas sikap kuasa besar yang mempertahankan tindakan pengurus dana dari Amerika Syarikat George Soros yang menjejaskan kestabilan mata wang negara Asean baru-baru ini atas nama hak asasi manusia.

"Kita mahu hak sebuah negara membangun seperti Malaysia untuk menikmati kemakmuran dan bebas daripada cengkaman imperialisme ekonomi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan "Persidangan Meja Bulat Mengenai Serangan Spekulatif Ke Atas Ringgit Malaysia" di sini.

Katanya, Pemuda Umno juga mencadangkan satu tabung kewangan diwujudkan di kalangan bank pusat negara-negara membangun di Asia dan Afrika bagi menghalang niat jahat spekulator asing.

Tumpuan import dan eksport juga perlu dialihkan dari negara maju ke negara membangun selaras dengan semangat Selatan-Selatan, katanya.

Naib Ketua pergerakan itu Datuk Hishammuddin Hussein menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa desakan dikaji semula deklarasi hak asasi manusia itu tidak disokong oleh cabang politik pemuda dan pemimpin rantau ini.

"Saya nafikan kenyataan Madeleine Albright (Setiausaha Negara Amerika Syarikat) di Singapura bahawa desakan itu tidak menggambarkan pendirian dan pandangan golongan pemuda serta pemimpin rantau ini," katanya.

Albright ketika lawatan ke Singapura awal minggu ini selepas menghadiri Persidangan selepas mesyuarat peringkat Menteri Asean (PMC) dilaporkan berkata pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menggambarkan pemikiran generasi muda di Asean.

Persidangan anjuran Majlis Ekonomi, Pergerakan Pemuda Umno itu turut dihadiri para cendekiawan dan ahli ekonomi termasuk bekas Gabenor Bank Negara Datuk Nor Mohamed Yakcop.

Persidangan itu turut menyaksikan perjanjian persefahaman di antara syarikat P.T Adhisamudra dari Indonesia dengan dua syarikat Malaysia -- Nordant Builders Sdn. Bhd dan Pet Vest Sdn. Bhd.

Kerjasama itu bagi membolehkan pengimportan pasir pantai untuk digunakan dalam projek tebus guna tanah di Malaysia. -- BERNAMA

MHI MS NMO